

JPS kaji paras air

KUALA LUMPUR: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memantau paras air semua empangan bagi memastikan bekalan mencukupi untuk pengairan penanaman padi berikutan jangkaan fenomena el-Nino yang bakal melanda negara.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ir Keizrul Abdullah, berkata JPS akan memastikan penyaluran air ke kawasan penanaman padi dikawal supaya penyemaian pertama pada Mac dan Julai dapat dilakukan tanpa masalah.

"Buat masa sekarang kebanyakan empangan berada pada paras air yang tinggi. Namun kami lebih bimbang penyemaian kedua kerana jika fenomena el-Nino berlaku ia pasti menjejaskan tanaman.

"Jika suhu meningkat sehingga Ogos, air di empangan akan berkurangan dan tidak cukup untuk disalurkan ke kawasan penanaman," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Sambutan 75 Tahun JPS, di sini, semalam.

Beliau enggan mengulas lanjut sama ada penanaman padi terpaksa dibatalkan jika kemarau melanda.

"Kita kena tengok keadaan dan catatan paras air kerana sekitar 1978, pernah satu musim tanaman terpaksa dibatalkan kerana kemarau," katanya.

Keizrul berkata, kemarau sukar dijangka tetapi JPS akan memastikan pegawai di lebih 1,000 stesen memantau taburan hujan serta paras air dan sungai di seluruh negara sentiasa memantau keadaan.